

# Kursus memandu mesti tekankan modul sikap

JIKA Datuk Seri Najib Tun Razak meminta orang ramai tidak menuding jari terhadap kerajaan atas kegagalan kempen keselamatan jalan raya hanya kerana kadar kemalangan terus meningkat dari tahun ke tahun, mangsa kemalangan juga tentunya tidak ingin disalahkan atas 'kecuaian' mereka.

Persoalannya, adakah takdir akan me rubah segalanya? Kalau benar, bila? Sedangkan jalan raya hendak dimanfaatkan setiap masa. Tiada siapa yang mahu dipusarakan di lebuhraya apatah lagi di saat perayaan Hari Raya.

Tidak lain dan tidak bukan tentulah sikap pengguna jalan raya yang tidak mampu diubah sesiapa, kalau tidak, takkanlah dengan usaha keras pihak berkuasa yang memperkenalkan Ops Sikap sejak enam tahun lalu gagal!

Kemalangan jalan raya akan terus berlaku kerana itu adalah risiko berada di jalan raya tetapi jika tidak dibantu oleh rasa tanggungjawab terhadap keselamatan sendiri, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain, tentulah kadar kecelakaan tidak dapat dikurang-

kan. Sedangkan manusia adalah yang paling mudah dikendalikan dan dinasihati berbanding kenderaan dan jalan raya.

Menyalahkan komunikasi antara kenderaan seperti gagal memberi isyarat ke kiri atau kanan, penggunaan lampu tinggi yang tidak sepatutnya, tidak memahami isyarat daripada kenderaan lain dan sebagainya adalah tidak adil sama sekali. Ini kerana dalam apa jua keadaan pun manusia masih boleh mengawal diri mereka dari kecuaian.

## Kecederaan

Kecuaian adalah perbuatan tidak berhati-hati, sama ada dengan melakukan sesuatu atau tidak berbuat apa-apa. Ia adalah antara seseorang kepada orang lain yang mempunyai tanggungjawab untuk berjaga-jaga supaya tidak melanggar tanggungjawab tersebut dan sekali gus menyebabkan kecederaan atau kematian kepada orang yang sepatutnya 'dijaga dengan baik'. (Hakim Lord Wright dalam kes *Lochgelly Iron & Coal lwn*

*M'Mullan* (1934) AC 1 HL 25.

Sikap cuai pengguna jalan raya inilah yang sebenarnya payah diatasi. Ada pengguna jalan raya di kalangan kanak-kanak semuda lima tahun, yang berbasikal terhuyung-hayang, melintas jalan dan mengejar bola sehingga ke tengah jalan! Yang menunggang motosikal tanpa lesen dan kemahiran, tetapi diberi lesen oleh ibu bapa untuk dibiarkan apa sahaja berlaku kepada mereka di jalan raya kerana semuanya adalah takdir tuhan. Hasilnya, majoriti korban jalan raya saban tahun ialah penunggang dan pembonceng motosikal!

Kecuaian yang mengakibatkan kecelakaan jalan raya bukanlah disebabkan pengguna jalan raya semata-mata, tetapi juga ibu bapa atau sesiapa yang membenarkan anak-anak kecil di jalan raya tanpa pengawasan.

Ibu bapa merupakan orang yang mempunyai tanggungjawab untuk berjaga-jaga terhadap apa yang akan berlaku kepada anak masing-masing. Jika ibu bapa tidak dapat mengawal anak-anak mengendalikan kenderaan dan kerana

kegagalan menunaikan tanggungjawab tersebut anak mereka menyebabkan kecederaan atau kematian pengguna jalan raya yang lain, ibu bapa juga wajar didakwa.

Hakikatnya, ramai korban jalan raya adalah akibat kecuaiannya mereka yang tidak berhak mengendalikan kenderaan di jalan raya!

Susahnya mendidik pemandu kelas pertama jika modul kursus pemanduan berhempah tidak digubal semula supaya modul 'sikap' menjadi agenda utama. Adab di jalan raya mengikut perspektif Islam perlu diperjelaskan supaya sekurang-kurangnya pemandu Muslim di negara ini sedar bahawa ketaatan, akhlak dan santun bukan hanya dalam perkara ibadat sahaja tetapi juga sewaktu mengendalikan kenderaan.

**- NIK SALIDA SUHAILA  
NIK SALEH  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam  
Malaysia.**